MAJLIS DAERAH KERIAN
BIL. 2 / 2020
www.mdkerian.gov.my
BULETIN MDK



# Semarak Merdeka

## SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN



# SIDANG RIDAKSI

**PENASIHAT**
PN. NORHAFISAH BINTI HJ. MOHAMAD

**KETUA EDITOR**
EN. AZIZUL NAZLI BIN HJ. ABD HADI
EN. MOHAMAD SADDAM BIN JAMALUDDIN

**EDITOR**
PN. NORAZIAH BINTI ZAINOL ABIDIN
PN. ROHAIMA BINTI ABDUL RASHID
PN. DARWINA ASHIKIN BINTI DAUD
EN. SHEIKH HALIM BINTI SAMSUDIN
PN. NORMEZURA BINTI MEHAT
PN. NOORSHEZAN BINTI SA'ADAN
PN. SOLEHAH BINTI SAAD
PN. ZATIL ISMAH BINTI KHIRUNNASHAT
CIK. NOR SHAHIDA BINTI NAWAYI@NAWAWI
CIK NOR AFIQAH NAJIHAH BINTI AYOP

**JURUGAMBAR:**
EN. ROSMIZAN BIN OSMAN

# ISI KANDUNGAN


**3**
TAKLIMAT DAN DEMONSTRASI PERANGKAPAN ANJING DARI MPTI
SESI DIALOG PENILANG DAERAH KERIAN BERSAMA YB. EXCO

**4**
KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN CEUPACS KE MDKERIAN
MESYUARAT AGONG ANGLAE KERIAN
KUNJUNGAN HORMAT SPRM CAWANGAN TAIPING

**5**
KAYUHAN SANTAI SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-63
PROGRAM PEMBERSIHAN DAN PECAH

**6**
EXIT CONFERENCE PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN 2019 MAJLIS DAERAH KERIAN
OPERASI BERSEPADU AMBANG MERDEKA DAN PEMATUHAN SOP

**7**
LAWATAN DAN KUNJUNGAN HORMAT POLIS DAERAH KERIAN
PERASMIAN MURAL PEKAN LAMA

**8**
KECERIAAN BULAN KEBANGSAAN 2020
MAJLIS SAMBUTAN MAJLIS DAERAH KERIAN
AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015

**9**
OPERASI PEMATUHAN SOP
OPERASI BERSEPADU JABATAN ALAM SEKITAR BERSAMA MAJLIS DAERAH KERIAN
OPERASI PEMANTAUAN REBAN AYAM

**10**
LAWATAN TAPAK BERKAITAN LADANG SOLAR
TURUN PADANG TUNTUTAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

**11**
PROGRAM TURUN PADANG

**12**
PROGRAM MEMASAK BUBUR ASYURA
PENGURUSAN PRIHATIN
PERJUMPAAN BERSAMA PEMBANTU TADBIR
PROGRAM PENGISIAN E-CENSUS HOUR

**13**
PENGAUDITAN PENSIJILAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S/QE)
TAKLIMAT KONSESI MAJU PERAK
PROGRAM CSR SANTAU PEJABAT

**14**
CSR PEMBERSIHAN RAN PECAH
SESI TOWNHALL MDKERIAN
PROGRAM BUMI HIJAU - KEBUN PEJABAT

**15**
JASAMU DIKENANG DAN TERIMA KASIH DI ATAS KHIDMAT BAKTI YANG TELAH DIBERIKAN

**16**
BERSAMA HENTIKAN WABAK COVID-19




# Perutusan Yang Dipertua

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan inayah dan kurnia-Nya dapat kita bersua kembali di dalam Buletin Majlis Daerah Kerian bil. 2/2020 ini.

Pandemik Covid-19 telah disahkan merebak di Malaysia pada 25 Januari 2020 dan sehingga kini tiada sebarang perubahan yang berlaku dan semakin membimbangkan berikutan jumlah kes baharu yang semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak pengurusan majlis bagi membendung penularan wabak berkenaan.

Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) telah diterapkan kepada seluruh warga kerja majlis terutamanya petugas di barisan hadapan dan para pelanggan yang berurusan di pejabat Majlis. Para petugas dan pelanggan diwajibkan memakai pelitup muka, melakukan imbasan kod QR melalui aplikasi MySejahtera atau menulis maklumat di dalam buku kehadiran, melakukan saringan suhu, menggunakan cecair pembasmi kuman dan mengamalkan penjarakan fizikal. Pihak majlis juga mengehadkan hanya 10 orang pelanggan sahaja di dalam satu masa untuk berurusan di kaunter bagi memudahkan pemantauan dan penjarakan fizikal serta menggalakkan pelanggan melaksanakan urusan secara atas talian.

Pihak majlis juga sentiasa melaksanakan disinfeksi di tempat-tempat tumpuan seperti pasar-pasar awam, hentian raya, gerai-gerai milik majlis dan tempat-tempat tumpuan awam. Selain dari itu, penguatkuasaan dan pemantauan pematuhan SOP juga sering dilakukan bagi mengingatkan para peniaga dan orang ramai.

Segala yang berlaku pada masa ini menjadi cabaran kepada semua pihak terutamanya kepada warga kerja majlis. Patuhilah SOP agar rantaian pandemik Covid-19 ini dapat diputuskan.

Sekian, terima kasih.

Helmi bin Yusof @ Jusoh
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

## TAKLIMAT DAN DEMONTRASI PENANGKAPAN ANJING DARI MPTI

**13 Julai -** Majlis Daeerah Kerian telah menjemput pasukan penguatkuasaan dari Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) untuk memberi taklimat berkaitan penggunaan produk inovasi penangkapan anjing liar. Taklimat dan demonstrasi penggunaan Tangkup untuk operasi penangkapan anjing telah diberikan oleh Hj. Damanhuri bin Zakaria, Pembantu Penguatkuasa Kanan Majlis Perbandaran Teluk Intan kepada semua anggota penguatkuasa MDKerian. Turut hadir sama dalam program taklimat ini Setiausaha Majlis Daerah Kerian, Puan Norhafisah binti Haji Mohamad.

Demontrasi penangkapan anjing dilakukan di kawasan Pasar Awam Bagan Serai untuk memberi gambaran yang lebih jelas di tapak.



## SESI DIALOG PEKILANG DAERAH KERIAN BERSAMA YB. EXCO

**29 September –** Y.B Dato' Shahrul Zaman bin Datuk Yahya Pengerusi Jawatankuasa Industri Pelaburan dan Pembangunan Koridor telah meluangkan masa bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Industrial Park (IPMC) Majlis Daerah Kerian bagi bilangan 1/2020 serta sesi dialog bersama pekilang-pekilang di daerah Kerian. YB Dato' juga turut membentangkan perancangan kerajaan negeri berkaitan hala tuju pembangunan industri di negeri Perak.

YB Exco turut menyertai program turun padang untuk meninjau kawasan perindustrian Parit Buntar dan melawat ke kilang Siang Heng Plastik Ware Sdn. Bhd dan AEL Engineering Sdn. Bhd.



## KUNJUNGAN HORMAT PRESIDEN CEUPACS KE MDKERIAN

**23 September** – Pihak pengurusan Majlis berbesar hati menerima kunjungan hormat YBhg. Datuk Haji Azih bin Muda, Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan ke Majlis Daerah Kerian. Kunjungan hormat ini di sambut oleh Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh, Yang Dipertua, Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Setiausaha Majlis dan semua ketua jabatan Majlis Daerah Kerian. Datuk juga sempat meluang masa beramah mesra dengan anggota kerja Majlis.



## MESYUARAT AGONG ANULAE KERIAN




**23 September** - Mesyuarat Agung Tri-tahunan Anulae Peringkat Kawasan Kerian bagi sesi 2020 sehingga 2023 telah diadakan di Dewan Merdeka Parit Buntar. Mesyuarat agung bagi tahun ini amat bertuah kerana turut dihadiri oleh Y.BHG. Datuk Haji Azih Bin Muda, Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan. Majlis perasmian di sempurnakan oleh Tuan Helmi Bin Yusof @ Jusoh, Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian.

## KUNJUNG HORMAT SPRM CAWANGAN TAIPING

**28 Disember** - Kunjungan hormat daripada Puan Geetha A/P Ayaoo Timbalan Ketua Cawangan, SPRM Cawangan Taiping ke Majlis Daerah Kerian bersama pegawai SPRM disambut oleh Puan NorHafisah Binti Haji Mohamad, Setiausaha MDKerian. Di dalam kunjungan berkenaan, pihak SPRM juga menyerahkan Ikrar Janji Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Daerah Kerian) Perangi Pemberi Rasuah Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa pada 10 Disember 2020 yang lepas.



## KAYUHAN SANTAI SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-63

**30 Ogos** – Majlis Daerah Kerian telah mengadakan satu program kayuhan santai sempena Hari Kebangsaan bermula dari pejabat Majlis ke Dataran Ban Pecah melibatkan jarak sejauh 35 kilometer. Acara dimulakan dengan majlis penyerahan bendera Jalur Gemilang daripada Yang Dipertua, Tuan Helmi Bin Yusof @ Jusoh kepada Pegawai Daerah Kerian, Tuan Haji Mohd Sabli Bin Bakri sebelum pelepasan peserta yang dilakukan oleh Ahli Majlis.

Turut serta di dalam program ini DSP Roslan Bin Mohamed @ Ab Aziz, Timbalan Ketua Polis Daerah Kerian; Komander (M) Mohd Sharenliza Bin Ghazali ,Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau; Puan Norhafisah Binti Haji Mohamad,Setiausaha Majlis dan wakil dari pihak JPS.

Peserta kayuhan di sambut oleh YB Dato' Abdul Yunus Jamhari, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan juga ADUN Kuala Kurau di Dataran Ban Pecah bersama-sama Penghulu Kuala Kurau dan Tanjung Piandang serta wakil penduduk



## PROGRAM PEMBERSIHAN BAN PECAH

**1 Julai** – Majlis Daerah Kerian telah mengadakan satu program pembersihan kawasan di Ban Pecah sebagai salah satu inisiatif menjadikan kawasan itu sebagai salah satu destinasi pelancongan di daerah Kerian.

Turut serta di dalam rogram ini YB Dato' Abdul Yunus bin Jamhari, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan juga ADUN Kuala Kurau; Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Setiausaha Majlis; wakil pihak JPS; wakil dari pihak IADA; penghulu mukim Tanjung Piandang dan Kuala Kurau serta ahli majlis.

Program yang dilakukan secara santai dan mematuhi SOP ini mendapat sambutan yang baik daripada pengunjung yang hadir ke kawasan berkenaan. Pihak Majlis telah menempatkan 4 buah tong sampah untuk kemudahan orang ramai. Pihak majlis juga telah merancang bagi pembangunan kemudahan awam di kawasan berkenaan dengan sumbangan peruntukan daripada pihak kerajaan negeri. Yang Dipertua Majlis berharap orang ramai dapat membantu pihak majlis menjaga kebersihan kawasan berkenaan.



## EXIT CONFERENCE PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN 2019 MAJLIS DAERAH KERIAN



**1 September** - Jabatan Audit Negeri Perak telah mengadakan satu Exit Conference Pengauditan Penyata Kewangan bagi tahun akhir 31 Disember 2019 yang dipengerusikan oleh Puan Badidatul Anita Binti Bidin, Pengarah Audit Negeri Perak di Bilik Mesyuarat Alamanda Majlis Daerah Kerian. Turut hadir sama dalam program ini Tuan Helmi Bin Yusof @ Jusoh - Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Tuan Haji Mohd Hishamudin Bin Abu Hassan - Pengurus Tetuan Hisham & CO, Puan Herni Suriani Binti Amarzuki, Akuantan Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat SUK Perak, juru audit dari Jabatan Audit Negara, juru audit daripada Tetuan Hisham & CO dan pegawai Bahagian Kerajaan Tempatan SUK Perak.

Agenda "Exit Conference" ini dimulakan dengan ucapan aluan pengerusi dan diteruskan dengan perbincangan lanjut berkaitan penyata kewangan MDKerian bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 serta sesi soal jawab dan penjelasan terhadap isu-isu berbangkit.

## OPERASI BERSEPADU AMBANG MERDEKA DAN PEMATUHAN SOP

Satu operasi Bersepadu sempena Ambang Merdeka, Pencegahan Jenayah dan Pematuhan SOP PKPP telah dijalankan oleh pihak Polis Daerah Kerian bersama-sama Majlis Daerah Kerian dan Kementerian Kesihatan Malaysia Daerah Kerian. Operasi ini diketuai oleh DSP Roslan bin Mohamed @ Ab Aziz Timbalan Ketua Polis Daerah Kerian dan Puan Norhafisah binti Haji Mohamad Setiausaha Majlis. Operasi ini dijalankan di premis-premis rumah urut, kelab malam, premis makanan dan rondaan di sekitar taman-taman awam sekitar kerian. Beberapa kompaun telah dikeluarkan oleh Majlis Daerah Kerian atas kesalahan perniagaan tanpa lesen yang sah dan kesalahan kebersihan awam. Kompaun pematuhan SOP PKPP turut dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap premis yang ingkar arahan



## LAWATAN DAN KUNJUNGAN HORMAT POLIS DAERAH KERIAN

**20 Oktober** – Majlis Daerah Kerian telah menerima kunjungan Hormat Ketua Polis Daerah Kerian Superintenden Mazuki bin Mat dan Timbalan Ketua Polis Daerah Kerian DSP Roslan bin Mohamed @ Ab Aziz ke Majlis Daerah Kerian serta diiringi oleh pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat Polis Daerah. Ketibaan rombongan telah disambut oleh Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Majlis, Setiausaha Majlis serta ketua-ketua jabatan. Kunjungan yang diadakan ini bertujuan untuk memperkenalkan Ketua Polis Daerah yang baharu selain berkongsi maklumat yang melibatkan kedua-dua agensi.



## PERASMIAN MURAL PEKAN LAMA




**21 Oktober** – Program pengindahan Pekan Lama Parit Buntar telah diteruskan oleh pihak Majlis dengan melukis mural di sekitar Pinggiran Sungai Kerian. Encik Mohd Azizul bin Ismail dan Encik Muhammad Hizbullah A'fifi bin Firdaus yang merupakan anak tempatan telah dipertanggungjawab untuk melukis mural di kawasan berkenaan.

Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh berbesar hati merasmikan program itu dan menyampaikan sagu hati kepada pelukis terlibat. Turut Hadir sama dalam majlis itu Setiausaha Majlis Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Ahli Majlis Tuan Haji Shahrul Nizam bin Razali dan ketua jabatan Majlis Daerah Kerian.

Lukisan yang dihasilkan berkaitan Peristiwa Feri Karam yang berlaku di kawasan berkenaan pada 13.9.1972 serta memperkenalkan ikon pelancongan daerah Kerian seperti Ikan Arowana, Kolam Bukit Merah, Kuala Gula, Menara Jam Pekan Lama, Sawah Padi dan lain-lain.

## KECERIAAN BULAN KEBANGSAAN 2020

**27 Ogos** - Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh berbesar hati menyampaikan Sijil Penghargaan kepada wakil penduduk Taman Serai Zamrud, Bagan Serai dan Taman Semanggol Permai, Semanggol kerana menyertai Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan 2020.



Sijil penghargaan ini diberikan kepada taman perumahan berkenaan di atas usaha yang telah dilakukan oleh mereka melalui hiasan yang dapat menimbulkan semangat cintakan negara.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh Setiausaha Majlis Puan Norhafisah binti Haji Mohamad; Ahli Majlis Encik Ponnazhakan a/lPushpanathan dan pegawai Majlis Daerah Kerian.

## MAJLIS SAMBUTAN MAJLIS DAERAH KERIAN



28 Ogos - Majlis Sambutan Kemerdekaan Ke-63 Peringkat Majlis Daerah Kerian telah diadakan di Padang Sintetik Parit Buntar. Majlis ini disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Tuan Helmi Bin Yusof @ Jusoh dan dihadiri oleh Setiausaha Majlis, Puan Norhafisah Binti Haji Mohamad, Ketua-ketua Jabatan dan anggota kerja majlis. Yang Dipertua Majlis menyerahkan bendera kepada wakil Puan Setiausaha sebagai wakil pengurusan dan turut melekatkan bendera di kenderaan-kenderaan majlis.

## AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015

Pengauditan pematuhan bagi pensijilan semula MS ISO 9001:2015 pada 2 dan 3 November 2020 telah dilaksanakan oleh auditor SIRIM iaitu Tuan Syed Faddly bin Syed Bahrudin, Encik Mohd Azam bin Mohd Yunus dan Encik Mohd Nasir bin Md. Zainuddin. Penilaian telah dibuat untuk semua prosedur kualiti.



## OPERASI PEMATUHAN SOP

**24 Disember** - Operasi bersepadu bagi pematuhan SOP PKPB, pematuhan pelesenan majlis dan pencegahan jenayah telah dilaksanakan oleh pihak PDRM bersama-sama Majlis Daerah Kerian, Pejabat Kesihatan Daerah Kerian, RELA dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Operasi ini yang diketuai oleh DSP Roslan bin Mohamed@Ab Aziz Timbalan Ketua Polis Daerah Kerian dihadiri oleh Puan Norhafisah Haji Mohamad, Setiausaha MDKerian bersama Ketua Jabatan Penguat Kuasa Majlis Daerah Kerian.



## OPERASI BERSEPADU JABATAN ALAM SEKITAR BERSAMA MAJLIS DAERAH KERIAN



**3 Disember** - Operasi Bersepadu Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersama Majlis Daerah Kerian bagi meninjau pematuhan syarat-syarat alam sekitar dan syarat-syarat pengoperasian dari Majlis Daerah Kerian. Operasi ini diketuai oleh En Muhammad Ridzuan bin Mohd Alias, Pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak dan turut hadir bersama Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan Penguatkuasa, Ketua Jabatan Pelesenan, pegawai Majlis dan pegawai JAS.

## OPERASI PEMANTAUAN REBAN AYAM

Satu program turun padang bagi melawat ladang ayam di kawasan Jalan Gula Selinsing dan Gunung Semanggol oleh Tuan Helmi Bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Majlis, Pn Norhafisah Setiausaha Majlis serta pegawai-pegawai dari Majlis Daerah Kerian. Lawatan ini bagi melihat kaedah yang digunakan oleh pengusaha ladang ayam bagi mengawal dan mematuhi syarat yang telah ditetapkan.



## LAWATAN TAPAK BERKAITAN LADANG SOLAR



**11 November –** Satu program turun padang bagi melawat tapak cadangan ladang solar oleh Tuan Helmi Bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Majlis, Pn Norhafisah Setiausaha Majlis serta pegawai-pegawai dari Majlis Daerah Kerian. Lawatan tapak ini berkaitan dengan cadangan ladang solar untuk membina struktur sementara dan kemudahan sokongan seluas 353.72 ekar di atas lot 9089 Mukim Beriah. Kerja-kerja pembersihan di tapak telah mula dilaksanakan terutama di bahagian kolam takungan air bagi memastikan aliran air sekeliling dikawal dengan baik.

## TURUN PADANG TUNTUTAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

**5 Ogos** - Unit Tunggakan Hasil MDK telah mengadakan satu program turun padang di Bukit Merah Resort bagi tujuan tuntutan tunggakan cukai taksiran dan lesen perniagaan. Program ini telah dihadiri oleh Puan Setiausaha Majlis dan Ahli Majlis, Clr. Ybhg Dato' Haji Muhaimin bin Haji Abd Rahman, Clr. En. Nazirul bin Jamaluddin serta pegawai teknikal MDK. Perjumpaan tersebut turut diwakili oleh dua orang pegawai pengurusan Bukit Merah Resort, Puan Ng Swee Ann dan En. Khairudin.



# PROGRAM TURUN PADANG



Tarikh : 30 Okt 2020
Lokasi : Pasar Awam Tanjung Piandang
Kehadiran : YB Dato' Abdul Yunus Jamahari, Setiausaha Majlis, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.
Tujuan : Mengenalpasti masalah peniaga dan kebersihan kawasan berkenaan



Tarikh : 8 Julai 2020
Lokasi : Taman Kerian dan Jalan Perusahaan
Kehadiran : Tuan Helmi Bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Majlis, Tuan Haji Shahrul Nizam bin Razali
Tujuan : Meninjau pemasalahan banjir kilat



Tarikh : 1 Julai 2020
Lokasi : Gerai Majlis Parit Buntar dan Bagan Serai
Kehadiran : Jawatankuasa Pengurusan Harta Majlis.
Tujuan : Melawat periksa harta sewaan milik majlis

## PROGRAM MEMASAK BUBUR ASYURA




Tarikh : 11 September 2020
Tempat : Perkarangan Majlis
Penglibatan : Semua anggota kerja MDK

## PENGURUSAN PRIHATIN



Tarikh : 16 Julai 2020
Penerima : Puan Azlina binti
Perkara : Kematian Suami

## PERJUMPAAN BERSAMA PEMBANTU TADBIR



Tarikh : 15 Julai 2020
Tempat : Bilik Alamanda
Peserta : 40 orang
Penglibatan : Yang Dipertua Majlis

## PROGRAM PENGISIAN E-CENCUS HOUR




Tarikh : 9 September 2020
Tempat : Bilik Alamanda
Peserta : 20 orang
Penceramah : Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak

## PENGAUDITAN PENSIJILAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S/QE)




Tarikh : 29 Disember 2020
Auditor : Encik Ahmad Fathan Bin Abdul Rahim, Penolong Pengurus MPC Wilayah Utara

## TAKLIMAT KONSESI MAJU PERAK



Tarikh : 28 September 2020
Tempat : Bilik Alamanda
Intipati : Penerangan berkaitan kaedah dan pengurusan sisa pepejal oleh pihak konsesi

## PROGRAM CSR SANITASI PEJABAT



Tarikh : 9 November 2020
Penglibatan : Coway cawangan Parit Buntar
kehadiran : 3 orang
Tujuan : Mengadakan difenksi kawasan pejabat majlis

# Bersama Hentikan Wabak COVID-19




**MAJLIS DAERAH KERIAN**

NO. 1, WISMA MDK, JALAN PADANG,
34200 PARIT BUNTAR, PERAK

TEL : 05 - 716 1228
FAKS : 05 - 716 9268
EMEL : PENTADBIRAN@MDKERIAN.GOV.MY